



سيارن اخبار
PRESS RELEASE

KEMENTERIAN KESIHATAN • Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan BB3910, Negara Brunei Darussalam.
Tel: 2381640 samb./ext. 7734 • Faks/Fax: 2383016 • E-mel/E-mail: prohealth@brunet.bn

SIARAN AKHBAR 

KENYATAAN MEDIA

SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19

DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

15 April 2020

1. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa pada hari ini, Rabu, 21 Syaaban 1441 bersamaan 15 April 2020, Alhamdulillah, dengan izin dari Allah Subhanahu Wa Ta'ala jua, **tidak ada kes baru** jangkitan COVID-19 disahkan di negara ini. Ini bermakna **jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini kekal seramai 136 orang.**
2. Sementara itu, **1 kes** telah disahkan sembuh dan dibenarkan untuk pulang ke rumah dari Pusat Pengasingan Kebangsaan pada hari ini. Oleh itu, **jumlah keseluruhan yang telah sembuh ialah 108 orang.**
3. Oleh itu, jumlah kes aktif yang masih dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan pada ketika ini ialah **seramai 27 kes** di mana 2

daripadanya masih dalam keadaan kritikal dan kedua-duanya memerlukan bantuan mesin tambahan *heart/lung machine (ECMO)* di samping bantuan mesin pernafasan. Selebihnya adalah dalam keadaan yang baik.

4. Pada hari ini juga, seramai **81 orang** sedang menjalani kurantin menurut Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204 manakala jumlah keseluruhan mereka yang telah menamatkan tempoh kurantin ialah sebanyak **2,394 orang**.
5. Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak 229 sampel telah diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada 10,579 ujian yang membawa kepada nisbah 1 dalam 41 orang telah dibuat pemeriksaan ujian COVID-19.
6. Seterusnya, Kementerian Kesihatan dengan sukacita memaklumkan bahawa Alhamdulillah, salah seorang daripada kes yang telah sembuh tetapi dimasukkan semula ke Pusat Pengasingan Kebangsaan setelah didapati positif semasa pemeriksaan susulan,

telah dibenarkan pulang ke rumah pada hari ini. Ini adalah berikutan beberapa ujian makmal susulan yang dilakukan di Pusat Pengasingan Kebangsaan mendapati beliau negatif bagi virus SARS-CoV-2. Walau bagaimanapun, sebagai langkah berjaga-jaga, beliau akan menjalani pengasingan diri selama 14 hari lagi di rumah.

7. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman web Kementerian Kesihatan iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148** atau melalui aplikasi healthinfo.gov.bn.

- TAMAT -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 21 Syaaban 1441H / 15 April 2020